



## FREE MARKET 3.0 #RAMADHANRAYA

Fuziatul Norsyia Ahmad Shukri

**“FREE MARKET 3.0 #RAMADHANRAYA”** telah dianjurkan oleh Malaysian Academy of SME and Entrepreneurship Development (MASMED) UiTM Cawangan Pulau Pinang pada 14 dan 15 April 2022 yang lalu. Program ini adalah kesinambungan daripada Free Market 2.0 yang berlangsung pada Disember 2021 yang lepas. Jabatan Sains Komputer (JSKM) juga tidak melepaskan peluang untuk turut menyertai program ini seperti yang diminta oleh pihak MASMED bagi memeriahkan lagi program tersebut. Program ini bertujuan untuk memberi sumbangan kepada pekerja pembersihan atau ‘cleaner’ iaitu kebanyakannya adalah daripada golongan asnaf dan B40 serta kepada warga UiTM yang berminat. Konsep program ini adalah mengumpul barang terpakai yang masih elok dan disumbangkan kepada yang berminat secara percuma.

Free Market 3.0 kali ini bertemakan RamadhanRaya kerana ia berlangsung pada bulan Ramadhan 1443H. Oleh itu, terdapat juga staf JSKM yang ingin berkongsi rezeki dengan menyumbang wang bagi membeli barang-barang makanan untuk diagihkan kepada para pelajar serta pekerja ‘cleaner’ yang ada.

Seramai lebih kurang 30 orang pekerja ‘cleaner’ yang memperoleh manfaat daripada program ini dan juga segelintir pelajar yang berada di kampus ketika itu. Diharapkan program khidmat masyarakat sebegini akan diteruskan lagi supaya dapat memberi peluang kepada seluruh warga UiTM untuk menjalankan hubungan yang baik tanpa mengira pangkat mahupun darjah. Disamping itu, diharapkan juga aktiviti yang dijalankan dapat memupuk rasa kasih sayang sesama insan dan sifat suka membantu antara satu sama lain.

